

UCAPAN OLEH: DATO' SERI DR. MAHATHIR BIN MOHAMAD
(PERDANA MENTERI)

UPACARA: UPACARA PERASMIAN PEMBUKAAN KILANG SAPURA-NOKIA
TELECOMMUNICATIONS & SAPURA ELECTRONICS INDUSTRIES

TEMPAT: WANGSA MAJU, SETAPAK, KUALA LUMPUR

TARIKH: 16 AUG 1994

MASA:

Saya mengucapkan terima kasih kepada pihak pengurusan Sapura-Nokia Telecommunications Sdn. Bhd. dan Sapura Electronics Industries Sdn. Bhd. kerana menjemput saya untuk merasmikan pembukaan serentak kompleks kilang mereka pada hari ini.

2. Usahasama Sapura Holdings Sdn. Bhd. dengan Nokia Telecommunications OY Finland merupakan satu langkah yang bijak yang akan membuka peluang untuk aktiviti-aktiviti nilai di tambah di negara ini. Usahasama yang menggunakan teknologi asing ini sudah tentu akan membantu meningkatkan lagi produktiviti dan kecekapan tempatan. Dalam usaha kita mahu mempercepatkan proses perindustrian kita harus sanggup menerima teknologi asing yang sesuai bagi keperluan kita. Penerimaan hendaklah bukan secara pasif. Sebaliknya kita harus faham prinsipnya supaya kita dapat menggunakan teknologi berkenaan dalam mencipta barangan yang lain.

3. Sejak abad yang lalu, pertumbuhan industri telekomunikasi di negara ini telah meningkat dengan pesat sekali. Kini terdapat lebih kurang tiga juta talian telefon di negara ini. Berdasarkan kadar pertumbuhan ekonomi yang menggalakkan sekarang, Malaysia dijangka akan memerlukan 6.5 juta talian telefon pada tahun 2000.

4. Kini industri telekomunikasi adalah antara penyumbang penting kepada pembangunan ekonomi negara. Ini jelas jika kita melihat perkembangan industri ini dalam tempoh lima tahun kebelakangan ini di mana industri ini mencatat pertumbuhan dua angka, iaitu satu pertumbuhan yang sungguh menggalakkan. Daripada segi bilangan pelanggan telefon, bilangannya telah meningkat daripada 169,600 orang pada tahun 1975 kepada 1.58 juta orang pada tahun 1990. Pada hari ini terdapat kira-kira 2.3 juta pelanggan telefon.

5. Sehingga hari ini sebanyak 105 projek telah diluluskan bagi mengeluarkan berbagai-bagai produk telekomunikasi. Daripada jumlah ini, 75 syarikat telah memulakan operasi pengeluaran. Antara barangan yang dikeluarkan ialah telefon, 'pagers, answering machines, walkie talkies', berbagai jenis 'exchanges' dan 'mobile radio'.

6. Sungguhpun eksport barangan telekomunikasi kita telah

meningkat daripada RM1.23 bilion pada tahun 1990 kepada RM1.97 bilion pada tahun 1992, kadar import alat-alat telekomunikasi juga turut meningkat. Dalam tahun 1992 alat-alat telekomunikasi bernilai RM1.33 bilion telah diimport, bertambah sebanyak 46 peratus berbanding dengan nilai yang diimport pada tahun 1990. Oleh itu, masa depan bagi industri pengeluaran alat-alat telekomunikasi tempatan adalah cerah.

7. Memandangkan pertumbuhan industri telekomunikasi yang semakin pesat dan kompleks, Kerajaan telah melancarkan Dasar Telekomunikasi Negara baru-baru ini yang menggariskan satu panduan yang jelas bagi menentukan arah perkembangan industri telekomunikasi negara di masa depan. Di samping menentukan pembangunan industri telekomunikasi yang cekap dan teratur, dasar tersebut juga adalah untuk memupukkan lagi integrasi nasional melalui perkhidmatan telekomunikasi. Kita juga berharap dasar tersebut akan membantu mewujudkan satu masyarakat yang pintar dan kaya dengan maklumat melalui rangkaian telekomunikasi yang canggih dan moden.

8. Saya gembira bahawa di samping banyak syarikat telekomunikasi 'multinational' yang beroperasi di negara ini, syarikat-syarikat tempatan juga telah menunjukkan minat untuk memasuki industri yang dinamik ini. Sapura Electronics Sdn. Bhd. adalah antara syarikat tempatan ini. Tahniah diucapkan kerana mempunyai 'foresight' dan keberanian menghadapi risiko perusahaan ini.

9. Adalah menjadi dasar Kerajaan untuk menggalakkan lebih banyak syarikat tempatan memasuki projek usahasama dengan syarikat-syarikat 'multinational' untuk memenuhi permintaan yang meningkat bagi perkhidmatan-perkhidmatan telekomunikasi tempatan dan untuk membantu menjadikan Malaysia sebuah negara pengeksport alat-alat telekomunikasi. Usahasama Sapura-Nokia ini adalah antara perniagaan usahasama yang kita ingin lihat bertambah lagi di negara ini. Adalah diharapkan melalui usahasama seperti ini pemindahan teknologi kepada rakan kongsi tempatan akan dipercepatkan lagi.

10. Sebagai sebuah negara yang sedang pesat membangun adalah penting syarikat-syarikat tempatan menjalankan program-program latihan untuk mempertingkatkan kemahiran dan melengkapkan para pekerja mereka dengan kemahiran baru. Hanya melalui peningkatan kemahiran sahaja baharulah produktiviti dan kecekapan pengeluaran syarikat dapat dipertingkatkan lagi.

11. Pekerja yang mahir juga boleh membantu meningkatkan daya saing barangan keluaran eksport negara. Dengan memiliki berbagai-bagai kemahiran, para pekerja juga akan lebih mudah membuat penyesuaian dan perubahan-perubahan yang perlu yang dibawa oleh teknologi baru.

12. Oleh yang demikian, inisiatif Sapura-Nokia Telecommunications Sdn. Bhd. menubuhkan pusat latihan dengan

mengadakan program intensif untuk memindah kemahiran teknologi amatlah sesuai dan selaras dengan dasar Kerajaan. Saya diberitahu bahawa melalui program-program yang dirancang, syarikat ini akan membantu usaha-usaha menyelidik dan membangunkan kemahiran di negara ini.

13. Saya difahamkan bahawa hampir 90 peratus tenaga pekerja kedua-dua syarikat Sapura-Nokia Telecommunication dan Sapura Electronics Industries terdiri daripada jurutera dan juruteknik dan kedua-dua syarikat ini merupakan syarikat bermodal intensif. Ini adalah satu langkah yang bijak kerana dengan kekurangan tenaga pekerja di negara kita, kita harus memberi tumpuan kepada industri-industri nilai ditambah seperti ini.

14. Adalah diharapkan dengan adanya lebih banyak usahasama syarikat-syarikat tempatan dengan syarikat-syarikat asing, maka pembangunan teknologi industri tempatan akan dipercepatkan. Kerajaan akan terus menyediakan infrastruktur asas serta suasana yang sesuai untuk pembangunan teknologi.

15. Dengan ini, saya dengan sukacitanya merasmikan pembukaan serentak kilang Sapura-Nokia Telecommunications Sdn. Bhd. dan Sapura Electronics Industries Sdn. Bhd.